

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 February 2016

Nilai kepemimpinan Najib dengan adil – Ahmad Sarji

UM - 23/2/2016

KUALA LUMPUR 22 Feb. - Rakyat perlu menilai kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan adil berdasarkan persekitaran dan cabaran semasa yang jauh lebih mencabar berbanding dahulu.

Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, sebagai sebuah negara yang sentiasa terdedah kepada pelbagai cabaran, tidak ada seorang pemimpin boleh terlepas daripada melalui bencana ekonomi seperti kejatuhan harga minyak.

Katanya, oleh itu, sebagai Perdana Menteri, Najib juga perlu berdepan dengan bencana ekonomi tersebut selain cabaran dari segi perubahan politik negara.

"Sesiapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri pasti akan terdedah kepada pelbagai cabaran, sebab itu, kita kena buat penilaian yang adil dan faham persekitaran yang perlu dilalui oleh seseorang pemimpin.

"Kita bukan boleh bina benteng untuk menghalang cabaran, jadi kita kena adil dan jangan buat perbandingan antara pemimpin pada persekitaran yang berlainan serta nilai pemimpin berdasarkan meritnya yang tersendiri," katanya selepas menghadiri program Bicara Tokoh di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB)

mengulas mengenai penglibatan Najib dalam arena politik yang genap 40 tahun semalam.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Azini Mohd. Shahid dan Pengerusi LPP, Tan Sri Zainal Dahalan.

Ahmad Sarji berkata, Najib bukan sahaja memberi penekanan kepada transformasi yang menyaksikan polisi kerajaan banyak menyentuh perkara baharu malah lebih membanggakan beliau juga mempunyai idea dalam memperkasa ekonomi bumiputera.

"Saya dapati Najib merupakan 'transformation man'. Beliau juga sangat terbuka dengan perkara baharu termasuk membenarkan PNB melabur di peringkat global sehingga pengurus aset terkemuka negara itu dapat memiliki bangunan komersial di London serta mendatangkan keuntungan yang tinggi," jelasnya.

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata, beliau bersyukur kerana berpeluang untuk berkhidmat dan mengenali Najib serta bapa beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

"Saya berkhidmat dan dilantik oleh ayahanda Najib (Tun Abdul Razak) sewaktu menjadi Ketua Pengarah LPP yang pertama dan sekarang saya berkhidmat pula di bawah Najib," katanya.